

KERTAS 1

---

**PENULISAN**

# BAHAGIAN A

---

**KARANGAN BAHAN RANGSANGAN**  
**30 MARKAH**

# PERINGATAN

1. Calon menjawab soalan ini dalam masa 30 minit.
2. Karangan mestilah lebih daripada 150 patah perkataan tetapi kurang daripada 200 patah perkataan.
3. Semua bahan mestilah disentuh sama ada dalam pendahuluan, idea, atau penutupan.
4. Format karangan mestilah tepat.

## KERTAS 1

### BAHAGIAN A [30 markah] [Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan **e-sukan**.

Tulis pendapat anda tentang **pembangunan e-sukan di Malaysia**.

Panjangnya karangan anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.



E-sukan didefinisikan sebagai sukan yang berasaskan permainan komputer yang dimainkan oleh pengguna seperti pemain profesional. Permainan komputer ini dimainkan dalam bentuk persaingan atau pertandingan rasmi antara pasukan yang difasilitasi oleh sistem elektronik. Terdapat beberapa permainan video yang popular seperti genre Strategy Base Game, First Person Shooter (FPS), Multiplayer Online Battle Arena (MOBA) dan Player Unknowns Battleground (PUBG).

*“E-sukan pernah mencipta satu fenomena apabila permainan League Of Legends mempunyai lebih daripada 100 juta pemain di seluruh dunia. Hal ini membuka mata masyarakat mengenai e-sukan.”*

Permainan ini banyak dipertandingkan sehingga ada yang menawarkan hadiah lumayan seperti pingat dan juga wang tunai. Pertandingan sukan maya ini diterima sebagai kegiatan sukan oleh jawatan kuasa olimpik antarabangsa pada tahun 2017. E-sukan yang terdiri daripada permainan kompetitif pada peringkat profesional ini juga pernah dipertandingkan pada peringkat Sukan Asia 2018, Sukan SEA 2019 dan Sukan Olimpik 2021.

E-sukan ialah sejenis permainan dalam talian yang sangat popular. Permainan ini dimainkan oleh generasi muda dengan menggunakan kemudahan Internet. Oleh sebab itu, permainan ini sangat penting dan perlu dibangunkan dengan baiknyanya di negara kita.

**30 patah perkataan**

ToHuCoKeP

Topik

Huraian

Contoh

Kesan

Penegasan

# ISI/IDEA 1

To – mencungkil bakat

Hu – menyertai pertandingan

Co – PUBG dan DOTA

Ke – mengharumkan nama negara

P – bakat ini menjanakan pendapatan

Pertandingan e-sukan dijalankan untuk mencungkil bakat baharu dalam kalangan atlet e-sukan. **Hal ini dikatakan demikian kerana** bakat baharu ini dapat mewakili negara untuk menyertai pertandingan e-sukan. **Sebagai contohnya,** pertandingan PUBG dan DOTA memerlukan atlet e-sukan yang benar-benar berbakat. **Impaknya,** kejayaan atlet ini dapat mengharumkan nama negara pada peringkat dunia. **Oleh hal yang demikian,** bakat ini dapat menjanakan pendapatan yang lumayan daripada hadiah yang ditawarkan oleh penganjur pertandingan e-sukan.

**64 patah perkataan**

## ISI/IDEA 2

**To – RM20 juta untuk pembangunan e-sukan**

**Hu – melibatkan pemain yang ramai**

**Co – 100 juta orang pemain**

**Ke – menjadi hab e-sukan di Asia**

**P – menguntungkan rakyat dan negara**

Di samping itu, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan RM20 juta untuk pembangunan e-sukan. **Hal ini dikatakan demikian kerana** kerajaan sedar bahawa sukan yang berpotensi tinggi ini melibatkan jumlah pemain yang sangat tinggi. **Sebagai buktinya,** permainan League of Legends mempunyai lebih daripada 100 juta pemain di seluruh dunia. **Kesannya,** pembangunan e-sukan membolehkan Malaysia menjadi hab e-sukan di Asia. **Jika pembangunan ini dijalankan dengan serius,** e-sukan pasti menguntungkan rakyat dan negara dari segi ekonomi.

**65 patah perkataan**

KeCaHaPeTe

Kesimpulan

Cadangan

Harapan

Peribahasa

Tema

Kesimpulannya, semua pihak mestilah berusaha untuk membangunkan e-sukan di negara kita. Dengan usaha ini, Malaysia dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara lain yang memementingkan e-sukan. Oleh itu, pembangunan e-sukan penting kepada negara.

**30 patah perkataan**

E-sukan ialah sejenis permainan dalam talian yang sangat popular. Permainan ini dimainkan oleh generasi muda. Oleh sebab itu, permainan ini sangat penting dan perlu dibangunkan dengan baiknya.

Pertandingan e-sukan dijalankan untuk mencungkil bakat baharu dalam kalangan atlet e-sukan. **Hal ini dikatakan demikian kerana** bakat baharu ini dapat mewakili negara untuk menyertai pertandingan e-sukan. **Sebagai contohnya**, pertandingan PUBG dan DOTA memerlukan atlet e-sukan yang benar-benar berbakat. **Impaknya**, kejayaan atlet ini dapat mengharumkan nama negara pada peringkat dunia. **Oleh hal yang demikian**, bakat ini dapat menjanakan pendapatan yang lumayan daripada hadiah yang ditawarkan oleh penganjur pertandingan e-sukan.

Di samping itu, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan RM20 juta untuk pembangunan e-sukan. **Hal ini dikatakan demikian kerana** kerajaan sedar bahawa sukan yang berpotensi tinggi ini melibatkan jumlah pemain yang sangat tinggi. **Sebagai buktinya**, permainan League of Legends mempunyai lebih daripada 100 juta pemain di seluruh dunia. **Kesannya**, pembangunan e-sukan membolehkan Malaysia menjadi hab e-sukan di Asia. **Jika pembangunan ini dijalankan dengan serius**, e-sukan pasti menguntungkan rakyat dan negara dari segi ekonomi.

Kesimpulannya, semua pihak mestilah berusaha untuk membangunkan e-sukan di negara kita. Dengan usaha ini, Malaysia dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara lain yang mementingkan e-sukan. Oleh itu, pembangunan e-sukan penting kepada negara.

KERTAS 1

BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan e-sukan.

Tulis pendapat anda tentang **pebangunan e-sukan di Malaysia.**

Panjangnya karangan anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



E-sukan didefinisikan sebagai sukan yang berasaskan permainan komputer yang dimainkan oleh pengguna seperti pemain profesional. Permainan komputer ini dimainkan dalam bentuk persaingan atau pertandingan rasmi antara pasukan yang difasilitasikan oleh sistem elektronik. Terdapat beberapa permainan video yang popular seperti genre Strategy Base Game, First Person Shooter (FPS), Multiplayer Online Battle Arena (MOBA) dan Player Unknowns Battleground (PUBG).

*"E-sukan pernah mencipta satu fenomena apabila permainan League Of Legends mempunyai lebih daripada 100 juta pemain di seluruh dunia. Hal ini membuka mata masyarakat mengenai e-sukan."*

Permainan ini banyak dipertandingkan sehingga ada yang menawarkan hadiah lumayan seperti pingat dan juga wang tunai. Pertandingan sukan maya ini diterima sebagai kegiatan sukan oleh jawatan kuasa olimpik antarabangsa pada tahun 2017. E-sukan yang terdiri daripada permainan kompetitif pada peringkat profesional ini juga pernah dipertandingkan pada peringkat Sukan Asia 2018, Sukan SEA 2019 dan Sukan Olimpik 2021.

PENDAHULUAN	e-sukan → sukan berasaskan permainan komputer → semakin mendapat perhatian → banyak kepentingan
IDEA 1	<u>bakat baharu dicungkil</u> dalam kalangan pemain Malaysia → menyertai pertandingan bertaraf antarabangsa → <u>League of Legend</u> pernah memiliki <u>100 juta orang pemain</u> di seluruh negara → membuka mata dunia → tak kenal maka tak cinta
IDEA 2	Malaysia membangunkan <u>e-sukan</u> → <u>RM159 juta</u> diperuntukkan untuk menaik taraf dan <u>menyelenggara kemudahan e-sukan</u> → <u>RM50 juta</u> digunakan untuk menjayakan program pengaktifan rakyat terhadap e-sukan → <u>RM20 juta</u> diperuntukkan untuk pembangunan e-sukan
PENUTUPAN	E-sukan diterima sebagai kegiatan sukan oleh <u>Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa</u> → <u>Malaysia mempunyai ramai pemain e-sukan</u> – membanggakan nama Malaysia

**KRITERIA PENSKORAN**  
**BAHAGIAN A: KARANGAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<b>26 – 30</b>  (28 – 30)  (26 – 27)	<p><b>Tema/Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati tema</b> bahan rangsangan / tugas</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> dengan tema bahan rangsangan / tugas.</li> <li>• Huraian <b>jelas dan matang</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas dan tepat</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Penggunaan *Ungkapan menarik yang <b>sesuai dan tepat</b>.</li> <li>• Ejaan yang <b>betul</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>betul dan tepat</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik dan berkesan</b>.</li> <li>• Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b>.</li> <li>• Pemerenggan <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p>*Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain</p>

# PENGIRAAN PERKATAAN

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

1. Puisi
2. Alamat/e-mel
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa/kata majmuk
6. Maksud hadis/al-Quran, kata-kata tokoh
7. Penanda wacana
8. Tajuk
9. Kata sendi nama “di” dan “ke”
10. Angka yang ditulis dalam huruf/nombor

**BAHAGIAN B**

---

**KARANGAN UMUM**

**70 MARKAH**

# SOALAN 1

---

## **DOMAIN PERIBADI**

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan di negara kita. Rakyat yang menggunakan bahasa Melayu dapat menyatupadukan penduduk berbilang kaum dan agama di samping menimbulkan kesefahaman dan keserasian antara satu sama lain. Di samping itu, bahasa Melayu yang digunakan secara meluas dalam kalangan rakyat juga membuktikan perasaan cinta akan negara dalam kalangan rakyat. Pelbagai usaha dilakukan untuk memastikan bahasa Melayu digunakan oleh rakyat Malaysia.

*Dewan Budaya*

## **SOALAN**

Banyak manfaat yang dapat dinikmati oleh rakyat sekiranya kita menguasai bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu.

Bincangkan.

**T**e**R**a**I**s**A**



**T**ema **R**angsangan **I**su **A**rahan

## PENDAHULUAN

**Te** – Bahasa Melayu – bahasa kebangsaan – menjadi kebanggaan rakyat  
**Ra** – bahasa yang kaya dengan kesantunan dan kesopanan yang tinggi  
**Is** – ada juga rakyat yang tidak menghargai bahasa Melayu – merojak penggunaan bahasa Melayu – ramai juga yang menghargai bahasa Melayu – menggunakan bahasa Melayu dengan baiknya dan tepatnya  
**A** – marilah kita sama-sama mengetahui manfaat yang dapat dinikmati sekiranya kita menguasai bahasa Kebangsaan, iaitu bahasa Melayu

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan. Bahasa ini menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu ialah bahasa yang kaya dengan kesantunan dan kesopanan yang tinggi. Walau bagaimanapun, ada juga rakyat Malaysia yang tidak menghargai bahasa Melayu. Realiti ini dikatakan benar kerana mereka merojak penggunaan bahasa Melayu. Dari sudut pandangan lain, ramai juga rakyat Malaysia yang menghargai bahasa Melayu. Hal ini berlaku demikian kerana mereka menggunakan bahasa Melayu dengan baiknya dan tepatnya. Oleh sebab itu, marilah kita sama-sama mengetahui manfaat yang dapat dinikmati sekiranya kita menguasai bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu.

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan. Bahasa ini menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu ialah bahasa yang kaya dengan kesantunan dan kesopanan yang tinggi. Walau bagaimanapun, ada juga rakyat Malaysia yang tidak menghargai bahasa Melayu. Realiti ini dikatakan benar kerana mereka merojak penggunaan bahasa Melayu. Dari sudut pandangan lain, ramai juga rakyat Malaysia yang menghargai bahasa Melayu. Hal ini berlaku demikian kerana mereka menggunakan bahasa Melayu dengan baikny dan tepatnya. Oleh sebab itu, marilah kita sama-sama mengetahui manfaat yang dapat dinikmati sekiranya kita menguasai bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu.

**To** – Rakyat yang menggunakan bahasa Melayu dapat menyatupadukan penduduk berbilang kaum dan agama di negara yang tercinta, Malaysia

**Ho** – mengelakkan salah faham – semua rakyat menggunakan bahasa yang sama – bertolak ansur dan mengamalkan budi bahasa budaya kita

**Co** – menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan harian – menyanyi lagu Melayu P. Ramlee bersama-sama – sama-sama berpantun Melayu

**Ke** – keharmonian terjalin secara semula jadi – hubungan menjadi erat bagai isi dengan kuku – hidup bahu-membahu bagai aur dengan tebing

**P** – bahasa Melayu dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum

ToHuCoKeP

Topik

Huraian

Contoh

Kesan

Penegasan

# IDEA 1

**To** – Rakyat yang menggunakan bahasa Melayu dapat menyatupadukan penduduk berbilang kaum dan agama di negara yang tercinta, Malaysia

**Ho** – mengelakkan salah faham – semua rakyat menggunakan bahasa yang sama – bertolak ansur dan mengamalkan budi bahasa budaya kita

**Co** – menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan harian – menyanyi lagu Melayu P. Ramlee bersama-sama – sama-sama berpantun Melayu

**Ke** – keharmonian terjalin secara semula jadi – hubungan menjadi erat bagai isi dengan kuku – hidup bahu-membahu bagai aur dengan tebing

**P** – bahasa Melayu dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum

**ToHuCoKeP**  
↓ ↓ ↓ ↓ ↓  
Topik Huraian Contoh Kesan Penegasan

Manfaat utama sekiranya rakyat Malaysia menguasai bahasa kebangsaan ialah rakyat yang menggunakan bahasa Melayu dapat menyatupadukan penduduk berbilang kaum dan agama di negara yang tercinta, Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan bahasa Melayu dapat mengelakkan salah faham antara rakyat. Apabila semua rakyat menggunakan bahasa yang sama, kita dapat memupuk amalan bertolak ansur dan mengamalkan konsep budi bahasa budaya kita. Sebagai contohnya, rakyat Malaysia pada hari ini menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan harian. Di samping itu, kita juga menyanyi lagu P. Ramlee bersama-sama. Tambahan pula, kita juga sama-sama berpantun Melayu. Impaknya, keharmonian terjalin secara semula jadi antara rakyat berbilang bangsa dan agama. Selain itu, hubungan antara rakyat Malaysia menjadi erat bagai isi dengan kuku. Hal ini berlaku demikian kerana kita hidup bahu-membahu bagai aur dengan tebing. Oleh sebab itu, saya ingin menegaskan bahawa bahasa Melayu dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di negara Malaysia.

Manfaat utama sekiranya rakyat Malaysia menguasai bahasa kebangsaan ialah rakyat yang menggunakan bahasa Melayu dapat menyatupadukan penduduk berbilang kaum dan agama di negara yang tercinta, Malaysia. **Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan bahasa Melayu dapat mengelakkan salah faham antara rakyat. Apabila semua rakyat menggunakan bahasa yang sama, kita dapat memupuk amalan bertolak ansur dan mengamalkan konsep budi bahasa budaya kita.** Sebagai contohnya, rakyat Malaysia pada hari ini menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan harian. Di samping itu, kita juga menyanyi lagu P. Ramlee bersama-sama. Tambahan pula, kita juga sama-sama berpantun Melayu. **Impaknya, keharmonian terjalin secara semula jadi antara rakyat berbilang bangsa dan agama. Selain itu, hubungan antara rakyat Malaysia menjadi erat bagai isi dengan kuku. Hal ini berlaku demikian kerana kita hidup bahu-membahu bagai aur dengan tebing.** Oleh sebab itu, saya ingin menegaskan bahawa bahasa Melayu dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di negara Malaysia.

**To** – penggunaan bahasa Melayu dalam perbualan antara rakyat Malaysia dapat kesefahaman dan keserasian antara penduduk yang berbilang kaum

**Hu** – bahasa Melayu mudah dipelajari dan santun bahasanya berbanding dengan bahasa lain – mudah difahami oleh rakyat yang berbilang kaum

**Co** – keserasian terbentuk apabila rakyat bercakap dalam bahasa yang sama dalam acara rasmi seperti perhimpunan dan majlis rasmi kerajaan

**Ke** – tidak menimbulkan syak wasangka orang lain terhadap kita – mementingkan kesejahteraan bersama – bersekutu menjadi mutu

**P** – rakyat Malaysia saling memahami dan hidup serasi kerana penggunaan bahasa Melayu yang mantap dalam kehidupan seharian.

**To** – bahasa Melayu yang digunakan secara meluas dalam kalangan rakyat membuktikan perasaan cinta akan negara dalam kalangan rakyat

**Hu** – Melayu, Cina, dan India menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan – sama-sama menyanyikan lagu Negaraku dalam perhimpunan

**Co** – rakyat berbilang kaum berkaraoke dengan menyanyi lagu Melayu di samping menggunakan pantun dan gurindam dalam percakapan

**Ke** – menimbulkan perasaan sayang akan bangsa dan negara serta berbangga menjadi rakyat Malaysia – mempertahankan nama baik kita

**P** – rakyat yang menggunakan bahasa Melayu dapat memupuk semangat cinta akan negara sekali gus menanam semangat patriotisme yang tinggi

KeCaHaPeTe

Kesimpulan

Cadangan

Harapan

Peribahasa

Tema

**Ke** – banyak manfaat yang pasti dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia yang dapat bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dengan baikny

**Ca** – mempergiat kempen cintai bahasa kebangsaan – memperbanyak usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan di seluruh pelosok negara

**Ha** – mendaulatkan bahasa kebangsaan – menjadikan bahasa Melayu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bahasa lain di dunia ini

**Pe** – rakyat yang ingin menguasai bahasa Melayu dengan baikny pasti akan mempelajari bahasa Melayu kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalannya, bukannya memberikan alasan kerana hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih – pasti dapat menguasai bahasa kebangsaan kita

**Te** – rakyat Malaysia semestinya dapat menikmati pelbagai manfaat sekiranya kita mampu menguasai bahasa Melayu, bahasa kebangsaan kita

**Ke** – banyak manfaat yang pasti dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia yang dapat bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dengan baik

**Ca** – mempergiat kempen cintai bahasa kebangsaan – memperbanyak usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan di seluruh pelosok negara

**Ha** – mendaulatkan bahasa kebangsaan – menjadikan bahasa Melayu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bahasa lain di dunia ini

**Pe** – rakyat yang ingin menguasai bahasa Melayu dengan baik pasti akan mempelajari bahasa Melayu kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalannya, bukannya memberikan alasan kerana hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih – pasti dapat menguasai bahasa kebangsaan kita

**Te** – rakyat Malaysia semestinya dapat menikmati pelbagai manfaat sekiranya kita mampu menguasai bahasa Melayu, bahasa kebangsaan kita

Kesimpulannya, banyak manfaat yang pasti dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia yang dapat bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dengan baik. Oleh hal yang demikian, semua pihak hendaklah mempergiat kempen cintai bahasa kebangsaan. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) wajarlah memperbanyak usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan di seluruh pelosok negara. Dengan usaha yang dijalankan ini, saya berharap agar kita dapat memikul tanggungjawab untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan. Selain itu, sama-samalah kita berdoa agar rakyat Malaysia dapat menjadikan bahasa Melayu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bahasa lain di dunia. Realitinya, rakyat yang ingin menguasai bahasa Melayu dengan baik pasti akan mempelajari bahasa Melayu kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalannya, bukan memberikan alasan kerana hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Oleh sebab itu, saya ingin menegaskan bahawa rakyat Malaysia semestinya dapat menikmati pelbagai manfaat sekiranya kita mampu menguasai bahasa Melayu, bahasa kebangsaan kita.

Kesimpulannya, banyak manfaat yang pasti dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia yang dapat bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dengan baiknya. Oleh hal yang demikian, semua pihak hendaklah mempergiat kempen cintai bahasa kebangsaan. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) wajarlah memperbanyak usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan di seluruh pelosok negara. Dengan usaha yang dijalankan ini, saya berharap agar kita dapat memikul tanggungjawab untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan. Selain itu, sama-samalah kita berdoa agar rakyat Malaysia dapat menjadikan bahasa Melayu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bahasa lain di dunia. Realitinya, rakyat yang ingin menguasai bahasa Melayu dengan baiknya pasti akan mempelajari bahasa Melayu kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalannya, bukan memberikan alasan kerana hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Oleh sebab itu, saya ingin menegaskan bahawa rakyat Malaysia semestinya dapat menikmati pelbagai manfaat sekiranya kita mampu menguasai bahasa Melayu, bahasa kebangsaan kita.

# SOALAN 2

---

## DOMAIN AWAM

Rawatan tradisional sudah bertapak di negara kita sekian lama. Ramai yang masih meyakini perubatan tradisional berbanding dengan perubatan moden kerana kebaikannya yang mengutamakan bahan semula jadi seperti akar dan herba. Di samping itu, perubatan tradisional juga dikatakan lebih murah daripada perubatan moden kerana kos perubatan moden lebih mahal. Walau bagaimanapun, dari sisi keburukannya pula, pengamal perubatan yang tidak bertauliah menyebabkan banyak kejadian yang melibatkan aspek keselamatan berlaku. Ada juga yang beranggapan bahawa perubatan moden lebih cepat daripada perubatan tradisional dari segi tempoh penyembuhan.

Dewan Masyarakat

## SOALAN

Perubatan tradisional ialah kaedah rawatan pilihan selain kaedah moden. Oleh sebab itu, rawatan jenis tradisional mahupun moden ada impaknya.

Huraikan pelbagai implikasi sekiranya seseorang mengamalkan cara rawatan tradisional bagi penyakit yang dihidapinya.

**T**e**R**a**I**s**A**



**T**ema **R**angsangan **I**su **A**rahan

# PENDAHULUAN

**Te** – perubatan tradisional ialah cara seseorang mendapat rawatan dengan gaya dan amalan lama – diamalkan sejak turun-temurun – perubatan lama

**Ra** – amalan perubatan tradisional – dijalankan di rumah pengamal perubatan – ada juga pusat rawatan tradisional dibuka – ramai pesakitnya

**Is** – perubatan moden atau tradisional ada peminatnya – setiap orang pasti mempunyai pendapat berbeza dan pengalaman yang tidak sama sekali

**A** – perubatan tradisional memberikan pelbagai impak kepada seseorang yang mengamalkannya – apakah impak yang dapat kita kenal pasti?

ToHuCoKeP

Topik

Huraian

Contoh

Kesan

Penegasan

# IDEA 1

**To** – kebaikan perubatan tradisional ialah amalan ini menggunakan bahan semula jadi yang tidak memberikan kesan sampingan kepada para pesakit

**Hu** – bahan yang dijadikan ubat adalah daripada herba dan akar kayu – kacip fatimah, tongkat ali, daun herba, akar kayu berubat, dan buah herba

**Co** – bahan-bahan ini tidak mempunyai pewarna atau perisa daripada bahan kimia – menggunakan konsep rebusan air herba dan daun-daun

**Ke** – badan seseorang tidak mengalami impak yang buruk – tidak menjejaskan kualiti kesihatan – organ dalam tidak mengalami kerosakan

**P** – perubatan tradisional sangat bermanfaat kerana mengutamakan bahan-bahan semula jadi – tidak membimbangkan pesakit dan keluarga

## IDEA 2

**To** – kebaikan kedua ialah kos perubatan tradisional lebih murah daripada kos perubatan moden di hospital yang menelan perbelanjaan yang tinggi

**Hu** – perubatan tradisional tidak memerlukan penggunaan peralatan yang berteknologi moden – perubatan tradisional lebih berfokus pada urutan

**Co** – seseorang yang terjatuh perlu mendapatkan x-ray dan imbasan CT untuk mengenal pasti tulang sama ada patah atau terseliah sewaktu jatuh

**Ke** – pengamal perubatan tidak memerlukan x-ray – mereka pandai mengurus kaki dan menggunakan minyak berubat untuk merawat tulang

**P** – perubatan moden semestinya lebih mahal kerana peralatan yang berteknologi tinggi digunakan berbanding dengan perubatan tradisional

# IDEA 3

**To** – perubatan tradisional juga ada keburukannya yang disebabkan oleh pengamal perubatan palsu dan tidak bertauliah tetapi bermaharajalela

**Hu** – kerajaan kurang membuat pemeriksaan di premis perubatan tradisional – pengamal perubatan menggunakan sijil kelayakan palsu

**Co** – banyak pengamal perubatan tradisional dari Indonesia dan Thailand memasuki Malaysia – mereka dipercayai tidak mempunyai sijil yang sah

**Ke** – rakyat Malaysia ditipu – ada yang terpaksa membayar dengan kos perubatan tradisional yang tinggi – ada kes melibatkan pesakit diperkosa

**P** – perubatan tradisional yang mempunyai pengamal palsu menyebabkan rakyat menjadi mangsa penipuan perubatan sehingga mengancam nyawa

KeCaHaPeTe

Kesimpulan

Cadangan

Harapan

Peribahasa

Tema

# PENUTUPAN

**Ke** – perubatan tradisional ada kebaikan dan keburukannya kerana tiada apa-apa yang sempurna dalam kehidupan manusia pada zaman moden ini

**Ca** – kita mestilah mengkaji latar belakang pengamal perubatan – memeriksa sijil pengiktirafan daripada kerajaan dan lesen perubatannya

**Ha** – rakyat dapat memilih jenis perubatan dengan bijaksananya – tidak menjadi mangsa penipuan pengamal perubatan yang tidak bertauliah

**Pe** – sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua – pengamal perubatan palsu pasti akan ditangkap pada suatu hari nanti

**Te** – rakyat mestilah mengetahui kebaikan dan keburukan sesuatu jenis perubatan sebelum membuat keputusan untuk mendapatkan rawatan itu

# SOALAN 3

---

## **DOMAIN PENDIDIKAN**

**E-dompet ialah aplikasi yang berfungsi seperti dompet fizikal, iaitu menyimpan wang, kad debit, dan juga maklumat akaun bank dalam bentuk aplikasi digital. E-dompet bertujuan untuk menggantikan dompet fizikal supaya kita tidak perlu lagi membawa wang tunai atau beg tangan ke mana-mana. Walau bagaimanapun, kita juga terdedah pada risiko penipuan sama seperti penggunaan perbankan Internet.**

**Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu**

## **SOALAN**

**Pengguna e-dompet di Malaysia semakin hari semakin ramai. Walau bagaimanapun, kesedaran pengguna tentang penggunaan e-dompet yang selamat masih berada pada tahap yang membimbangkan kerana banyak kes penipuan berlaku.**

**Huraikan langkah-langkah untuk mendidik masyarakat pengguna supaya bijak dalam penggunaan e-dompet.**

## DOMAIN PENDIDIKAN

E-dompet ialah aplikasi yang berfungsi seperti dompet fizikal, iaitu menyimpan wang, kad debit, dan juga maklumat akaun bank dalam bentuk aplikasi digital. E-dompet bertujuan untuk menggantikan dompet fizikal supaya kita tidak perlu lagi membawa wang tunai atau beg tangan ke mana-mana. Walau bagaimanapun, kita juga terdedah pada risiko penipuan sama seperti penggunaan perbankan Internet.

Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu

## SOALAN

Pengguna e-dompet di Malaysia semakin hari semakin ramai. Walau bagaimanapun, kesedaran pengguna tentang penggunaan e-dompet yang selamat masih berada pada tahap yang membimbangkan kerana banyak kes penipuan berlaku.

Huraikan langkah-langkah untuk mendidik masyarakat pengguna supaya bijak dalam penggunaan e-dompet.

**T**e**R**a**I**s**A**



**T**ema **R**angsangan **I**su **A**rahan

# PENDAHULUAN

**Te** – e-dompet ialah aplikasi yang berfungsi seperti dompet fizikal – dapat digunakan untuk menyimpan wang dan maklumat akaun bank kita

**TeRaIsA**  
Tema Rangsangan Isu Arahana

**Ra** – e-dompet dapat menggantikan dompet fizikal – tidak perlu membawa wang tunai – Touch N Go, Grab Wallet, QRPay, Apple Pay

**Is** – risiko penipuan sama seperti penggunaan perbankan Internet boleh berlaku – banyak maklumat kita diketahui oleh sistem e-dompet tersebut

**A** – kita mesti mestilah mengetahui langkah-langkah untuk mendidik masyarakat pengguna agar pengguna bijak dalam penggunaan e-dompet

ToHuCoKeP

Topik

Huraian

Contoh

Kesan

Penegasan

**To** – pihak bank perlu mendidik pelanggannya tentang cara-cara untuk menggunakan e-dompot dengan selamatnya agar kurangnya risiko penipuan

**Hu** – pihak bank perlu melindungi pelanggannya – pelanggan mudah mempercayai mesej yang dihantar pihak bank – sistem sekuriti canggih

**Co** – pihak bank melakukan penjagaan rapi tentang sistem penggunaan pin sekali (OTP) – memastikan pelanggan mematuhi peraturan perbankan

**Ke** – pengguna dapat menggunakan e-dompot dengan selamatnya – e-dompot dilindungi oleh kata laluan – penipuan dapat dikurangkan dengan drastik

**P** – pengguna e-dompot mestilah mengikut segala peraturan dan ajaran daripada pihak bank agar penggunaan e-dompot menjadi lebih selamat

## IDEA 1

**ToHuCoKeP**

Topik Huraian Contoh Kesan Penegasan

# IDEA 2

To – pihak sekolah haruslah mengadakan aktiviti yang dapat meningkatkan kesedaran murid tentang ciri keselamatan dalam e-dompet

Hu – murid tidak mempunyai pengetahuan tentang keselamatan e-dompet – mereka mudah mencuba sesuatu yang baharu – menjadi mangsa

Co – pihak sekolah bolehlah mengundang pakar keselamatan e-dompet – menyampaikan maklumat penting kepada murid – pameran e-dompet

Ke – murid mendapat pengetahuan – menjadi lebih berhati-hati sewaktu menggunakan e-dompet – mengurangkan kes penipuan dalam e-dompet

P – institusi pendidikan memainkan peranan penting untuk memastikan murid-murid tidak menyalahgunakan e-dompet atau menjadi mangsa tipu

**ToHuCoKeP**  
↓ ↓ ↓ ↓ ↓  
**Topik Huraian Contoh Kesan Penegasan**

**To** – pihak ibu bapa mestilah menunjukkan cara menggunakan e-dompot dengan betul kepada anak-anak supaya e-dompot selamat digunakan

**Co** – memberitahu anak tidak mengongsikan kod QR e-dompot kepada orang lain – menggunakan kata laluan yang sukar – menukar kata laluan

**P** – didikan ibu bapa sangat penting sebagai usaha memastikan anak menggunakan e-dompot dengan selamat kerana bapa borek anak rintik

**Hu** – mengajar anak cara menggunakan e-dompot – memberitahu anak kes-kes penipuan dan modus operandi penipu – berkongsi mesej penting

**Ke** – anak-anak juga dapat dipantau – menggunakan e-dompot dengan selamatnya – tidak mengalami apa-apa masalah dari segi keselamatan

IDEA 3

ToHuCoKeP

Topik Huraian Contoh Kesan Penegasan

# PENUTUPAN

KeCaHaPeTe

Kesimpulan

Cadangan

Harapan

Peribahasa

Tema

**KeCaHaPeTe**

Kesimpulan  
Cadangan  
Harapan  
Peribahasa  
Tema

**Ke** – Kesimpulannya, banyak langkah yang boleh dilakukan untuk memastikan anak-anak menggunakan e-dompet dengan cara yang betul

**Ca** – anak-anak perlu mengikut nasihat pihak bank, guru-guru dan ibu bapa – sentiasa berwaspada dan cakna akan perubahan dalam e-dompet

**Te** – sekiranya semua pihak bijak menggunakan e-dompet, kemudahan ini dapat memanfaatkan semua pihak, terutamanya pihak pengguna

## PENUTUPAN

**Pe** – e-dompet banyak memberikan kebaikan – jauhari juga yang mengenal manikam – pengguna e-dompet dapat menikmati kemudahan

**Ha** – melahirkan pengguna e-dompet yang berkualiti – mengurangkan penggunaan beg tangan atau dompet fizikal – kes kecurian dikurangkan

# SOALAN 4

---

## DOMAIN KERJAYA

Semua petugas barisan hadapan kesihatan serta keselamatan perlu kekal fokus terhadap perang menentang COVID-19, dan tidak terkesan oleh sebarang kemungkinan yang berlaku. Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM), Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar, berkata petugas barisan hadapan perlu kekal dengan tekad berkhidmat untuk rakyat dan negara walau apa-apa jua yang berlaku. "Saya berharap agar semua agensi kerajaan, terutama petugas barisan hadapan sama ada Kementerian Kesihatan (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Angkatan Tentera Malaysia (STM) yang menangani COVID-19 bersiap siaga menghadapi apa-apa juga rintangan yang akan datang.

Sumber: 15 Ogos 2021, Berita Harian

## SOALAN

Anda ingin menyertai pertandingan menulis rencana yang dianjurkan oleh pihak sekolah bersempena dengan bulan kerjaya. Tajuk rencana yang dipertandingkan ialah "Pengorbanan Barisan Hadapan Kebanggaan Rakyat Malaysia".

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

# PENDAHULUAN

**T**e**R**a**I**s**A**



**T**ema **R**angsangan **I**su **A**rahan

# PENDAHULUAN

**TeRaIsA**  
Tema Rangsangan Isu Arahan

**Te** – barisan hadapan ialah petugas yang bertanggungjawab menjaga pesakit COVID-19 – pasukan tentera dan polis juga barisan hadapan

**Ra** – barisan hadapan bertugas di hospital – menjaga kebajikan pesakit dan mengisi keperluan kecemasan negara – menjaga keselamatan kita

**Is** – menghadapi pelbagai cabaran dalam tugas – berkorban tenaga dan masa untuk memastikan sistem Malaysia kesihatan tidak lumpuh

**A** – Kita haruslah sama-sama merenung pengorbanan yang dilakukan oleh para barisan hadapan yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia

# IDEA 1

ToHuCoKeP  
↓ ↓ ↓ ↓ ↓  
Topik Huraian Contoh Kesan Penegasan

**To** – barisan hadapan telah mengorbankan nyawa mereka untuk memastikan nyawa rakyat yang diserang wabak COVID-19 selamat

**Hu** – wabak COVID-19 hampir melumpuhkan sistem keselamatan negara – rakyat diserang pelbagai komplikasi, terutama yang komorbit

**Co** – memberikan bantuan kecemasan – membawa pesakit ke hospital – membuka pusat rawatan satelit berskala besar – memberikan rawatan

**Ke** – ramai rakyat Malaysia sembuh daripada wabak COVID-19 – berjaya melawan penyakit atas nasihat barisan hadapan – amat bangga

**P** – pengorbanan barisan hadapan yang berani mengorbankan nyawa demi menyelamatkan rakyat daripada wabak mestilah kita apresiasi

# IDEA 2

ToHuCoKeP  
↓ ↓ ↓ ↓ ↓  
Topik Huraian Contoh Kesan Penegasan

**To** – barisan hadapan menjaga keselamatan negara sepanjang masa  
Perintah Kawalan Keselamatan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara

**Hu** – berjauhan daripada keluarga – menjaga pintu masuk negara –  
memastikan sempadan negara selamat – membuat sekatan jalan raya

**Co** – memutuskan rantaian wabak COVID-19 – askar dan polis  
memastikan rakyat mematuhi peraturan – juga mengeluarkan saman

**Ke** – keamanan negara dapat dipertahankan – rakyat berasa selamat  
berada di Malaysia – pekerja asing juga sangat menghormati tentera

**P** – pengorbanan mereka wajar dihargai dan diingati sampai bila-bila –  
tidak menjadi rakyat yang bersikap bagai kacang lupakan kulitnya

# IDEA 3

ToHuCoKeP  
↓ ↓ ↓ ↓ ↓  
Topik Huraian Contoh Kesan Penegasan

**To** – barisan hadapan berkorban dengan memberikan bantuan kemanusiaan dan kebajikan kepada rakyat yang terjejas oleh bencana

**Hu** – rakyat terputus hubungan dan makanan – kelaparan mereka diatasi oleh makanan yang dihantar pegawai bertugas – sungguh mulia

**Co** – pasukan sukarelawan dan pegawai bomba memberikan bantuan kecemasan 24 jam – Tzu Chi juga terlibat dalam kerja kemanusiaan

**Ke** – mangsa banjir di Shah Alam pada Disember 2021 dapat diselamatkan – diberi selimut dan pakaian – juga mendapat makanan

**P** – bantuan kemanusiaan yang diberikan kepada mangsa bencana dan mangsa serangan wabak mesti kita ketahui dan hargai sepanjang waktu

ToHuCoKeP

Topik

Huraian

Contoh

Kesan

Penegasan

**KeCaHaPeTe**  
Kesimpulan / Cadangan  
Harapan  
Peribahasa  
Tema

# PENUTUPAN

**Ke** – Kesimpulannya, terlalu banyak pengorbanan yang dilakukan oleh pasukan barisan hadapan – jasa mereka terlalu mulia dan besar

**Ca** – memberikan pingat kepada barisan hadapan – menghargai pengorbanan mereka dengan insentif dan elaun – sijil penghargaan

**Ha** – barisan hadapan negara akan terus komited – memberikan bantuan dan berkorban pada setiap masa – menjaga nama baik kita

**Pe** – harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama – pengorbanan barisan hadapan yang terkorban perlu diingati

**Te** – sentiasa menghargai pengorbanan barisan hadapan Malaysia